

**UCAPAN KATA-KATA ALUAN  
YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah  
Abdullah  
Presiden ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN KURSUS KERJAYA &  
KEUSAHAWANAN PELAJAR  
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN  
ANGKASA SESI 2022**

**27 FEBRUARI 2022 (AHAD)**  
**04.00 PETANG**  
**Dewan Bunga Raya @ Blok C Level 1**  
**Glory Beach Resort, Port Dickson**

---

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM  
SEJAHTERA

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA

[\*]

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
(SKM)

YANG BERBAHAGIA  
PROF. MADYA DATO' DR. HJ. ABDUL  
RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK  
TIMBALAN PRESIDEN  
ANGKASA

YANG BERBAHAGIA  
DATO' HJ. CHE MOHD SHUKREE CHE ISA  
ANGGOTA LEMBAGA ANGKASA

YANG BERBAHAGIA  
DATUK AHMAD JAMIL HASHIM MEWAKILI  
PENGERUSI AHLI LEMBAGA PEMEGANG  
AMANAH YAYASAN ANGKASA

AHLI-AHLI LEMBAGA PEMEGANG  
AMANAH  
YAYASAN ANGKASA :

- 1) DATUK HJ. MD. YUSOF HJ. SAMUDIN
- 2) DATUK SYED AZMI AHMAD BIN SYED NAZIR AHMAD

YANG BERUSAHA

PUAN NORASIAH BINTI HARUN

KETUA

PEMBANGUNAN LATIHAN (INSKEN)

MEWAKILI

ENCIK MUHD FIRDAUS AZHARUDDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA  
BERHAD (INSKEN)

PN. HASLINDA HJ. AHMAD  
PENGURUS BESAR YAYASAN ANGKASA

PEGAWAI-PEGAWAI & KAKITANGAN  
YAYASAN ANGKASA

PARA PESERTA KURSUS KERJAYA &  
KEUSAHAWANAN YANG DIRAIKAN

---

1. TERIMA KASIH KEPADA AKADEMI  
MAGNET SUKSES SDN BHD DAN INSTITUT



KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)  
SELAKU PENGENDALI KURSUS KERJAYA &  
KEUSAHAWANAN PELAJAR PEMBIAYAAN  
PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SESI  
2022.

2. ALHAMDULILLAH, SYUKUR KEPADA  
ALLAH S.W.T, KURSUS KERJAYA &  
KEUSAHAWANAN PELAJAR PEMBIAYAAN

PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SESI 2022 DAPAT DIADAKAN SELAMA 4 HARI 3 MALAM YANG BERAKHIR PADA HARI ESOK.

3. YAYASAN ANGKASA  
SEMEMANGNYA MEMERLUKAN  
SOKONGAN BERTERUSAN SEBEGINI  
DARIPADA PELAJAR-PELAJAR

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN  
ANGKASA BAGI MENYEMARAKKAN LAGI  
SEMANGAT DAN TEKAD KAMI UNTUK  
TERUS MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN  
ANAK-ANAK KOPERASI.

4. SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN  
TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PESERTA  
YANG HADIR DALAM KURSUS KERJAYA &

KEUSAHAWANAN INI. KURSUS YANG  
DIANJURKAN INI MERUPAKAN SALAH  
SATU INISIATIF YAYASAN ANGKASA  
SUPAYA PELAJAR-PELAJAR PEMBIAYAAN  
PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA  
DIBERIKAN ILMU PENGETAHUAN DAN  
MEMPERSIAPKAN DIRI MEREKA UNTUK  
MENEMPUH ALAM PEKERJAAN SERTA  
PELAKSANAKAN KURSUS

KEUSAHAWANAN JUGA MERUPAKAN SUPAYA PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA TIDAK HANYA MENFOKUSKAN KERJAYAMAKAN GAJI BAHKAN MENJADIKAN KEUSAHAWANAN JUGA MERUPAKAN KERJAYA PILIHAN SETELAH TAMAT BELAJAR DAN MENGGALAKKAN SAUDARA/I SEMUA MENCARI REZEKI

MELALUI PERNIAGAAN UNTUK MENYARA  
KEHIDUPAN SETERUNYA MENYUMBANG  
SEMULA KEPADA GERAKAN KOPERASI  
DAN NEGARA.

**CABARAN PANDEMIK COVID-19**  
**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

5. PEMILIHAN KERJAYA PADA MASA KINI MERUPAKAN SATU CABARAN YANG PERLU DILALUI OLEH SEMUA INDIVIDU YANG BAKAL MENEMPUHI ALAM PEKERJAAN. MERUJUK KEPADA **KAJIAN KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE (CABARAN DAN STRATEGI PASCA-PANDEMIK UNTUK BELIA)** PERLU DISEDARI KESAN PENDEMIK COVID-19 BUKAN

SAHAJA MENYEBABKAN KRISIS KEPADA KESIHATAN AWAM, MALAH KEPADA EKONOMI DAN PASARAN BURUH KESELURUHANNYA. IA TELAH MENAMBAH BEBAN DAN CABARAN KEPADA GOLONGAN PEKERJA, MAJIKAN DAN KERAJAAN. TAMBAHAN PULA DENGAN PELAKSANAAN ARAHAN PENJARAKAN FIZIKAL MAJORITI



PEKERJAAN TERUTAMANYA YANG BERGANTUNG KEPADA INTERAKSI KEPADA PELANGGAN SECARA FIZIKAL TURUT TERKESAN.

6. BELIA BERUMUR 15-29 TAHUN PESERTA KURSUS INI JUGA TERMASUK DALAM LINGKUNGAN INI MERANGKUMI HAMPIR 40% DARIPADA KESELURUHAN TENAGA

BURUH DI MALAYSIA DAN PERANANNYA  
SEBAGAI TUNJANG KEPADA  
KEMAKMURAN EKONOMI NEGARA  
TIDAK DAPAT DINAFIKAN. ADALAH  
PENTING UNTUK MEMASTIKAN BELIA,  
TERMASUK GRADUAN BARU BUKAN  
SAHAJA MEMPEROLEHI PEKERJAAN,  
MALAH MEMPEROLEHI PEKERJAAN

YANG BERKUALITI DAN SETARA DENGAN  
KELAYAKAN ANDA SEMUA.

MENURUT **KAJIAN KHAZANAH RESEARCH  
INSTITUTE** INI JUGA JUMLAH  
PENGANGGUR PADA TAHUN 2018  
SEBANYAK 504,300 ORANG. DARIPADA  
JUMLAH TERSEBUT, BELIA MERANGKUMI  
SEBANYAK 397,000 ORANG

(79.7%).DENGAN ANGGARAN  
PENINGKATAN KADAR  
PENGANGGURAN OLEH BANK NEGARA  
MALAYSIA (BNM) PADA TAHUN 2020  
KEPADA 4.0% BERBANDING 3.3% PADA  
TAHUN 2019, GOLONGAN BELIA AKAN  
TERUS MENDOMINASI JUMLAH  
PENGANGGUR.

**DITAMBAH TEMPIAS PANDEMIK COVID-19** PADA TAHUN INI, KESANNYA DIRASAI OLEH SEMUA SEKTOR, TERUTAMANYA SEKTOR BERKAITAN PERKHIDMATAN SEPERTI PEKERJA DALAM INDUSTRI MAKANAN, JAGAAN KANAK-KANAK, PENGANGKUTAN UDARA, PELANCONGAN, HIBURAN,

PENGURUSAN ACARA, PERUNCITAN,  
SUKAN DAN PERHOTELAN.

**SAYA BUKAN HENDAK MENAKUT-  
NAKUTKAN SAUDARA/I SEKALIAN. INI  
FAKTAR YANG SEHARUSNYA KITA SEMUA  
HADAPI.**

7. OLEH SEBAB ITU, PENGURUSAN YAYASAN ANGKASA MELAKSANAKAN PROGRAM SEPERTI INI SUPAYA PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA MEMPUNYAI PENDEDAHAN AWAL DAN BOLEH MEMPERKEMASKAN PENGETAHUAN BERKAITAN ILMU MENCARI PEKERJAAN. SAYA MELIHAT SLOT-SLOT PENGISIAN

YANG DIATUR OLEH YAYASAN ANGKASA  
PERLU DIMANFAATKAN DAN DIINGATI  
SEMUA PESERTA PADA MASA HADAPAN.

**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

**KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA  
PILIHAN**



8. SAYA JUGA DIFAHAMKAN BAHAWA MODUL **USAHAWAN SEBAGAI KERJAYA PILIHAN** MERUPAKAN SALAH SATU MODUL UTAMA DI DALAM KURSUS INI. MELALUI KERJASAMA DENGAN INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN) LANGKAH YANG TEPAT YANG DIAMBIL OLEH PIHAK YAYASAN ANGKASA KERANA INSKEN MERUPAKAN SEBUAH

AGENSI DIBAWAH NAUNGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)  
YANG MANA KEMAHIRAN MEREKA  
MEMBERI LATIHAN DAN BIMBINGAN  
BAGI MEMASTIKAN BAKAL-BAKAL  
USAHAWANAN SEPERTI SAUDARA/I  
SEMUA BERJAYA BERGELAR  
USAHAWANAN BERTEPATAN TAGLINE

INSKEN IAITU "MEMPERKASAKAN USAHAWAN HARI ESOK".

SAYA JUGA BERHARAP, DENGAN TERLAKSANANYA KURSUS INI INSYALLAH AKAN ADA DIKALANGAN PESERTA HARI INI AKAN BERGELAR USAHAWANAN YANG BERJAYA DAN SEKALI GUS MENYUMBANG KEPADA KEBERHASILAN

**PENCAPAIAN DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL (DKN) 2030.** DASAR INI BERMATLAMAT SUPAYA NEGARA KITA MALAYSIA MENJELANG TAHUN 2030 MENJADI NEGARA KEUSAHAWANAN. OLEH SEBAB ITU SEMUA PESERTA PERLU BERMULA DARI SEKARANG.

**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

**SAUDARA/I PERLU INGAT KEBANYAKKAN  
PERNIAGAAN YANG BESAR YANG ADA  
SEKARANG BERMULA DARI SATU  
PERNIAGAAN KECIL-KECILAN DAHULU.  
SEPerti MANA CONTOH SAYA  
BAWAKAN SEPerti :-**

# 1. RAY KROC, PENGASAS MCDONALD'S

BELIAU MEMULAKAN PERNIAGAAN DENGAN MENJUAL CAWAN KERTAS DAN PELBAGAI PERKAKAS DAPUR SECARA KECIL-KECILAN DAN LAHIRNYA MCD SELEPAS BELIAU BERUMUR 52 TAHUN (**USIA BUKAN PENGHALANG**)

HARI INI MCD MENYEDIAKAN HAMPIR  
400,000 PELUANG PEKERJAAN  
DISELURUH DUNIA.

**2. IKON USAHAWAN RUNCIT  
TEMPATAN: DATUK WIRA (DR) HAJI  
AMEER ALI ;PASARAYA BORONG MYDIN**

SEBUT SAHAJA NAMA MYDIN SEMUA MASYARAKAT DI MALAYSIA TAHU PASARAYA INI. BELIAU BERMULA MEMBUKA KEDAI KECIL DI KOTA BHARU, KELANTAN DENGAN DUIT SIMPANAN SENDIRI DAN KINI BELIAU MEMILIKI LEBIH DARIPADA 200 KEDAI TERMASUK 12 PASARAYA BESAR, 18 EMPORIUM



BORONG, 3 BAZAR, 53 PASARAYA MINI,  
10 KEDAI SERBANEKA & 5 FRANCAIS.

## **PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

TUJUAN SAYA MEMBERIKAN CONTOH-  
CONTOH USAHAWANAN YANG  
BERJAYA TADI SUPAYA BOLEH MEMBUKA  
MATA SEMUA PESERTA KURSUS KERJAYA

& KEUSAHAWANAN HARI INI TERTARIK  
UNTUK MENJADI KEUSAHAWANAN  
SEBAGAI KERJAYA PILIHAN. ITU BELUM  
CERITA TENTANG KEMEWAHAN MEREKA  
HASIL DARIPADA PERNIAGAAN MEREKA.

**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

**INISIATIF ANGKASA BERSAMA YAYASAN**  
**ANGKASA MEMBANTU PELAJAR**  
**PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA**

9. BAGI MENDEPANI CABARAN AKAN DATANG, ANGKASA DAN YAYASAN ANGKASA MEMASTIKAN PELAJAR PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SENTIASA BERDAYA SAING,

**PELAJAR TAJAAN YAYASAN ANGKASA  
BUKAN HANYA PERLU MENUMPUKAN  
MENJADI PENCARI PEKERJAAN,  
SEBALIKNYA MENJADI PENCIPTA  
PELUANG PEKERJAAN. “PENDEDAHAN  
PENGETAHUAN DALAM  
KEUSAHAWANAN MENJADIKAN  
PELAJAR LEBIH KREATIF DAN INOVATIF  
DALAM MENCIPTA PEKERJAAN.**

“MELIHAT JUMLAH PENGANGGURAN  
MAKIN MENINGKAT, BIDANG  
KEUSAHAWAN PERLU MENJADI  
KEUTAMAAN SELEPAS TAMAT  
PENGAJIAN,”

**PIHAK ANGKASA MEMBUKA PELUANG  
LUAS KEPADA PELAJAR DENGAN  
MENYEDIAKAN KHIDMAT NASIHAT,**

**PELUANG PERNIAGAAN MELALUI  
JARINGAN KOPERASI, BANTUAN  
PENUBUHAN KOPERASI SERTA BANTUAN  
KEWANGAN MELALUI PEMBIAYAAN OLEH  
KOPSYA SEBAGAI MODAL PERNIAGAAN.**

**PARA PELAJAR YANG DIKASIHI SEKALIAN**

**10. SELAIN MENFOKUSKAN KEPADA KEUSAHAWANAN SEBAGAI KERJAYA PILIHAN PENEKANAN KEPADA SEKTOR GUNA TENAGA MAHIR JUGA DITITIK BERATKAN OLEH YAYASAN ANGKASA.**

EKORAN DARIPADA ITU, YAYASAN ANGKASA MENJALINKAN HUBUNGAN DENGAN ANGKATAN KOPERASI

KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD  
(ANGKASA), ANAK-ANAK SYARIKAT  
ANGKASA SERTA SEKTOR KORPORAT  
YANG LAIN DENGAN MEMBUKA  
PELUANG KEPADA PELAJAR UNTUK  
MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI  
TEMPAT-TEMPAT TERSEBUT.



11. PELUANG SEPERTI INI PERLU DIMANFAATKAN SECEPAT MUNGKIN OLEH PARA PELAJAR SEKALIAN SUPAYA DENGAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI TEMPAT-TEMPAT TERSEBUT, KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN PELAJAR-PELAJAR SEKALIAN DAPAT DITONJOLKAN KEPADA PARA MAJIKAN SEKALIGUS MEMBUKA PELUANG KEPADA

PELAJAR-PELAJAR SEKALIAN UNTUK  
DIAMBIL BEKERJA DI SYARIKAT TERSEBUT.

**SUKA SAYA MENNYATAKAN TAHNIAH  
KEPADA YAYASAN ANGKASA  
MENGAMBIL LANGKAH PROAKTIF  
DALAM MENJALANKAN KERJASAMA  
DENGAN MYANGKASA AMANAH UNTUK  
MEWUJUDKAN PELUANG DAN RUANG**

**PEKERJAAN KEPADA PELAJAR  
PEMBIAYAAN YAYASAN. SAYA  
DIFAHAMKAN MYANGKASA AMANAH  
AKAN MEMBERI LATIHAN KEPADA  
PELAJAR YANG BERMINAT UNTUK  
MENJADI PERUNDING PRODUK-PRODUK  
MYANGKASA AMANAH SECARA  
SEPENUH MASA @ SEPARUH MASA.  
USAHA SEBEGINI WAJAR DITERUSKAN**

**DAN DIPERKEMASKAN SUPAYA PELUANG PEKERJAAN YANG WUJUD BOLEH DIISI OLEH PELAJAR-PELAJAR PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA DAN SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN GERAKAN KOPERASI.**

**SEKALI LAGI, SAYA MENGALU-ALUKAN PARA PELAJAR SEKALIAN UNTUK**

## **MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI SEKTOR KOPERASI.**

12. DI MALAYSIA JUGA TERDAPAT BANYAK KOPERASI YANG TELAH BERJAYA DAN BERKEMBANG SEPERTI YANG TELAH DIBUKTIKAN BEBERAPA KOPERASI. ANTARANYA, KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BHD,

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (BANK RAKYAT), KOPERASI ANGKATAN TENTERA BERHAD, KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD DAN BANYAK LAGI KOPERASI YANG TELAH MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAMAI GRADUAN.

13. SAYA INGIN MENEGASKAN, SANGATLAH RUGI SEKIRANYA PARA PELAJAR PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA YANG TELAH MENGETAHUI PELUANG-PELUANG YANG ADA DI DALAM SEKTOR KOPERASI SEPERTI YANG SAYA NYATAKAN TADI, TIDAK MENGAMBIL PELUANG TERSEBUT SEBAIK MUNGKIN.

**PARA PELAJAR YANG DIHORMATI  
SEKALIAN**

**PENEKANAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

14. SELAIN DARIPADA PARA PELAJAR  
PERLU BIJAK DALAM MENGAMBIL  
PELUANG YANG ADA, KEPUTUSAN YANG  
CEMERLANG JUGA MERUPAKAN NILAI



TAMBAH KEPADA PELAJAR UNTUK  
MENDAPATKAN PELUANG PEKERJAAN.  
OLEH SEBAB ITU, SAYA MENARUH  
HARAPAN YANG TINGGI KEPADA PARA  
PELAJAR SEKALIAN YANG BELUM TAMAT  
PENGAJIAN DIGESA SUPAYA BERUSAHA  
BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK  
MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG

CEMERLANG DENGAN MENDAPAT IJAZAH KELAS PERTAMA.

SELAIN PARA PELAJAR PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA MEMPEROLEHI BIASISWA PENUH KERANA MENDAPAT IJAZAH KELAS PERTAMA, YAYASAN ANGKASA JUGA MEWUJUDKAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR

PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA.  
ANUGERAH INI MERUPAKAN  
PENGIKTIRAFAN YAYASAN ANGKASA  
KEPADA PARA PELAJAR KERANA  
MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG  
CEMERLANG.

**PARA PELAJAR YANG DIHORMATI  
SEKALIAN**

15. ADALAH DIHARAPKAN, SEMUA  
PELAJAR YANG BAKAL MENAMATKAN  
PENGGAJIAN SUPAYA MENJADI AHLI  
ALUMNI PELAJAR PEMBIAYAAN  
YAYASAN ANGKASA SUPAYA JALINAN  
HUBUNGAN DENGAN YAYASAN  
ANGKASA SENTIASA BERTERUSAN  
DENGAN MENYERTAI PROGRAM-

PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH  
YAYASAN ANGKASA.

ADA SEPERKARA YANG KURANG  
GEMAR UNTUK SAYA PERKATAKAN  
TETAPI TERPAKSA JUGA SAYA  
SAMPAIKAN PADA HARI INI. IANYA  
BERKAITAN DENGAN KEGAGALAN  
MEMBAYAR BALIK PEMBIAYAAN

PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA.  
TERDAPAT SEGELINTIR YANG TELAH  
TAMAT PENGAJIAN DAN SUDAH  
BEKERJA TETAPI CULAS UNTUK  
MEMBAYAR BALIK PEMBIAYAAN  
PENDIDIKAN YANG PERNAH MEREKA  
PEROLEHI DAHULU. SEHUBUNGAN ITU  
SAYA AMAT BERHARAP SUPAYA PARA  
PELAJAR PADA HARI INI MENGAMBIL

PERHATIAN TERHADAP PERKARA DAN TIDAK BERSIKAP SEBEGITU & PERLU DISEMATKAN DI HATI MASING-MASING BAHAWA BAYARAN BALIK YANG DIBUAT AKAN DAPAT MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR YANG LAIN PULA.

16. SELAIN ITU, PARA PELAJAR JUGA DIINGATKAN SUPAYA MEMBAYAR BALIK

PINJAMAN YANG DI PEROLEHI SECARA KONSISTEN MENGIKUT JADUAL BAYARAN BALIK YANG DITETAPKAN SUPAYA KELANGSUNGGAN PINJAMAN YAYASAN ANGKASA INI DAPAT DITERIMA UNTUK GENERASI AKAN DATANG. KEPADA PARA PELAJAR YANG MENDAPAT PEKERJAAN YANG BAIK SERTA MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG



BAIK, DIALU-ALUKAN MENYUMBANG  
KEMBALI KEPADA YAYASAN ANGKASA.

**PARA PELAJAR YANG DIHORMATI  
SEKALIAN**

17. DIHARAPKAN DENGAN  
TERLAKSANANYA KURSUS KERJAYA &  
KEUSAHAWANAN INI PELAJAR

PEMBIAYAAN YAYASAN ANGKASA INI,  
MAKA PARA PELAJAR DAPAT MEMILIH  
KERJAYA DENGAN TEPAT SEJAJAR  
DENGAN MINAT DAN KECENDERUNGAN  
DALAM SESUATU BIDANG.

PELAJAR-PELAJAR                      PEMBIAYAAN  
YAYASAN ANGKASA DILIHAT MAMPU  
MENJADI PELAPIS WARGA KOPERASI

PADA MASA HADAPAN. SAYA BERHARAP PARA PELAJAR DAPAT MEMPERSIAPKAN DIRI DENGAN MENAMBAH ILMU SERTA KEMAHIRAN KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK DI SAMPING DAPAT MEMBANTU GERAKAN KOPERASI MENCAPAI KECEMERLANGAN DI MALAYSIA.

18. AKHIR KATA, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN HAJI ZAZALI BIN HARON PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) SUDI HADIR BAGI MERASMIKAN MAJLIS INI. TERIMA KASIH JUGA KEPADA AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN ANGKASA YANG HADIR PADA HARI INI.

TIDAK LUPA JUGA UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN) DAN PIHAK PENGURUSAN YAYASAN ANGKASA YANG BERUSAHA UNTUK MENJAYAKAN KURSUS INI.

**WABILAHITAUFIK WAL HIDAYAH.  
ASSALAMUALAIKUM W.B.T.**